

BAB 5 : KESIMPULAN

Negeri Sembilan merupakan sebuah negeri yang unik di Tanah Melayu bukan sahaja kerana ia mengamalkan Adat Perpatih yang berbeza dengan adat yang diamalkan di NNM yang lain tetapi juga ia mempunyai sejarah perkembangan politik yang melalui beberapa tahap penting sepanjang abad ke- 18 dan 19. Bermula dengan penghijrahan masyarakat Minangkabau ke beberapa wilayah di negeri tersebut, mereka berjaya mengasaskan satu struktur politik yang masih dipraktikkan sehingga kini walaupun organisasi politik tersebut telah melalui beberapa evolusi dalam aspek pentadbiran selaras dengan perkembangan politik yang berlaku dalam negeri.

Masyarakat Minangkabau yang berhijrah ke Negeri Sembilan telah membawa bersama-sama mereka Adat Perpatih yang diresapkan kepada penduduk tempatan. Adat Perpatih telah menggariskan hukum-hukum hidup yang dipenuhi dengan lunas-lunas yang tersendiri. Justeru itu sebelum campurtangan British dalam politik Negeri Sembilan, penduduk negeri tersebut sudahpun mempunyai struktur politik yang teratur. Kewujudan institusi-institusi seperti Yam Tuan, Undang dan Penghulu dapat membuktikan keadaan ini.

Penglibatan British dalam arena politik Negeri Sembilan merupakan satu lagi unsur yang tidak dapat diketepikan apabila menulis mengenai sejarah perkembangan negeri tersebut. Pihak British mulai campurtangan dalam urusan pemerintahan Negeri-Negeri Melayu selepas Perjanjian Pangkor 1874 yang ditandatangani di antara Raja Abdullah dengan Kerajaan British.

Perjanjian Pangkor yang ditandatangani pada 20 Januari 1874 merupakan asas bagi permulaan dasar campurtangan British dalam politik tempatan secara rasmi. Boleh dikatakan matlamat utama British menandatangani perjanjian tersebut ialah untuk melindungi keuntungan yang diperolehinya dalam aktiviti perdagangan di Tanah Melayu. Ini adalah kerana huru-hara yang berlaku dalam Negeri-Negeri Melayu seperti Perak, Selangor dan Sungai Ujong telah menjejaskan keuntungan yang dinikmati oleh British. Malahan desakan daripada pedagang-pedagang di NNS supaya British campurtangan dalam politik NNM juga membawa kepada perubahan dalam polisi kuasa Barat tersebut.

Ancaman kuasa-kuasa Barat terutamanya Jerman juga membimbangkan British. Malahan menjelang 1870-an Jerman telah muncul sebagai kuasa yang agung di bawah pimpinan Bismarck.¹ Sekiranya Jerman campurtangan dalam politik Tanah Melayu ia akan menjejaskan kedudukan ekonomi British terutamanya perdagangan dengan China. Malahan “intervention by other European powers in the Straits that led to British Governor in July 1873 to take serious request for intervention”.²

Keadaan huru-hara yang berlaku di Sungai Ujong disebabkan persengketaan di antara Dato Klana Syed Abdul Rahman dan Dato Bandar Abdullah Tunggal telah membuka ruang bagi British untuk campurtangan dalam politik Negeri Sembilan. Persengketaan yang berlaku telah mengganggu aktiviti perdagangan timah di Sungai Ujong. Seperti kata pepatah ‘pucuk dicita ulam mendatang’, undangan Dato Klana agar kuasa barat tersebut membantunya mengembalikan keamanan di Sungai Ujong

¹ K.G. Tregonning, *A History of Modern Malay*, Singapore: Eastern Universities Press, 1964, hlm. 145.

² F.J. Moorhead, *A History of Malaya*, Vol. 2, Longman of Malaya, 1963, hlm. 167.

serta memulihkan keadaan kacau-bilau yang berlaku dalam negeri disambut dengan baik oleh British.

Walaupun melalui Perjanjian 1876 British telah mengiktiraf Dato Klana sebagai pemerintah Sungai Ujong yang sah namun pengiktirafan tersebut telah mengukuhkan kedudukan British di wilayah tersebut melalui penerimaan seorang penasihat British bergelar Residen yang berperanan memberi nasihat dalam semua aspek pentadbiran kecuali yang menyentuh mengenai agama Islam dan adat istiadat Melayu.

Setelah British mengukuhkan kedudukannya di Sungai Ujong, pengaruhnya diperluaskan ke daerah-daerah lain seperti Jelebu, Seri Menanti, Rembau dan Tampin di Negeri Sembilan. Memang tidak dapat dinafikan motif British menguasai Negeri Sembilan ialah untuk mengeksploitasi sumber ekonomi iaitu bijih timah. Sememangnya Negeri Sembilan kaya dengan hasil bijih timah terutamanya di daerah Sungai Ujong dan Linggi telah mendorong British untuk mengatur langkah agar aktiviti ekonominya di wilayah-wilayah tersebut tidak terjejas.

Justeru itu British telah bercadang untuk menyatukan setiap wilayah yang berpisah di bawah satu persekutuan dengan kuasa dipusatkan di tangan seorang pemerintah. Perjanjian 29 April 1898 di antara pemerintah dan pembesar-pembesar Negeri Sembilan dan British telah menjadi asas kepada kemunculan sebuah persekutuan yang bergelar Negeri Sembilan. Perjanjian ini juga membawa kepada pengiktirafan Yam Tuan Seri Menanti sebagai Raja Negeri Sembilan.

Dengan ini dapat dikatakan sejarah perkembangan politik Negeri Sembilan dalam abad ke- 18 dan 19 telah dicirikan oleh pelbagai peristiwa samaada yang berlaku di dalam atau di luar negeri. Sepanjang jangkamasa tersebut Negeri Sembilan telah mengekalkan kewibawaannya sebagai sebuah negeri Melayu yang mantap di Tanah Melayu. Di samping itu British pula telah mengukuhkan kedudukannya sebagai sebuah kuasa yang paling berpengaruh di rantau ini di samping memelihara hubungan yang baik dengan pemerintah tempatan. Ini bertujuan untuk menjamin kepentingan ekonominya tidak terjejas. Dengan demikian boleh dikatakan apa yang berlaku dalam sejarah politik Negeri Sembilan sepanjang abad ke- 18 dan 19 dicorakkan oleh evolusi yang berlaku dalam arena politik tempatan.